

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)40

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SERI DELIMA
YB TAN HOOI PENG**

40. Apakah sasaran dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menghadapi SUKMA 2024 di Sarawak dari segi pengumpulan pingat?
- (a) Adakah terdapat peningkatan jumlah atlet berbanding dengan penyertaan sebelumnya?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

40. Kerajaan Negeri mensasarkan 40 butir pingat emas dari 37 jenis sukan yang dipertandingkan dalam Sukan Malaysia (SUKMA) Ke-21 bagi tahun 2024 yang akan berlangsung di Sarawak pada bulan Ogos nanti. Bagi acara sukan kategori individu, sasaran adalah sekurang-kurangnya sebutir pingat emas dalam setiap acara sukan yang disertai. Manakala bagi acara sukan kategori berpasukan, sasaran diletakkan untuk melayakkan pasukan ke peringkat separuh akhir bagi sukan-sukan yang dipertandingkan kelak.

- (a) SUKMA Ke-21 Sarawak 2024 ini akan mempertandingkan sebanyak 37 jenis sukan berbanding Sukan Malaysia Edisi Khas Majlis Sukan Negara (MSN) 2022 yang hanya menyenaraikan 31 jenis sukan sahaja. Walaupun bilangan acara yang dipertandingkan di SUKMA kali ini lebih banyak berbanding sukan di Sukan Malaysia Edisi Khas MSN 2022, namun disebabkan terdapatnya kuota bilangan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penganjur, maka negeri Pulau Pinang hanya dapat menghantar bilangan kontinjen atlet yang lebih kecil berbanding pengajuran Sukan Malaysia Edisi Khas MSN 2022 yang lalu.

Penglibatan kontinjen atlet SUKMA Negeri Pulau Pinang pada tahun ini dijangka seramai 486 orang atlet berbanding 488 orang atlet yang terlibat dengan Sukan Malaysia Edisi Khas MSN pada tahun 2022. Tarikh tutup pendaftaran senarai pendek akhir (*shortlist*) atlet-atlet SUKMA negeri adalah pada 5 Julai 2024.